



جائزہ کیا کیلئے شریعت کی فوٹو لائونچ

**KETUA HAKIM SYARIE**

**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (54)

Tarikh : 1 Ogos 2011

1 Ramadhan 1432H

Y.A Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar  
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan /Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 3 / 2011**

**KES-KES RAYUAN DARI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KE MAHKAMAH TINGGI SYARIAH HENDAKLAH DIDAFTARKAN DI DALAM SISTEM ESYARIAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 3 / 2011 pada 26 Mei 2011 telah memutuskan dan bersetuju sebagaimana berikut:

- 1) Bahawa Penolong Pendaftar di Mahkamah Rendah Syariah daerah hendaklah memaklumkan kepada Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah terlebih dahulu berkaitan kes-kes yang telah dirayu bagi mendapatkan pengesahan dan kebenaran bagi tujuan pendaftaran;
- 2) Selepas pengesahan dan kebenaran diberikan, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah daerah hendaklah memasukkan maklumat Perayu dan Responden di dalam sistem Esyariah; dan
- 3) Selepas tindakan tersebut selesai, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah daerah hendaklah tanpa kelengahan yang munasabah menghantar terus Notis Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk tindakan lanjut.



NO. PENDAFTARAN: AR 3103

**SYARIAH ASAS KEADILAN**  
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2011.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**  
**“ SYARIAH ASAS KeadILAN”**



**(DATO' HAJI YUSOF BIN MUSA)**  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang